

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 APRIL 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Malaysia bersedia jadi pengeksport biogas terbesar Asia	BERNAMA
2.	Malaysia bersedia jadi pengeksport biogas terbesar Asia	Berita RTM
3.	Malaysia mahu digelar hab biogas	Utusan Malaysia
4.	Malaysia poised to be Asia's biggest biogas exporter	BERNAMA
5.	Malaysia poised to be Asia's biggest biogas exporter	The Star Online
6.	BiotechCorp perbanyak syarikat BioNexus bumiputera	Utusan Malaysia
7.	Nannoteknologi cetus potensi berskala besar	Berita Harian
8.	Sektor aeroangkasa realisasikan sasaran PNK	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR
BERNAMA.COM
TARIKH : 29 APRIL 2015 (RABU)**



Malaysia Bersedia Jadi Pengeksport Biogas Terbesar Asia

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Malaysia dijangka menjadi pengeksport dan hab biogas terbesar di Asia masing-masing pada 2020 dan 2030, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.**

Beliau berkata Malaysia mempunyai potensi dalam memanfaatkan sumber biogas untuk menjadi pusat ekosistem bioindustri global.

"Pada masa ini, kita mempunyai kira-kira lima juta hektar tanah kelapa sawit, jadi pada 2020, kita akan mampu menggandakan pendapatan kepada kira-kira RM20 bilion.

"Sasaran itu adalah untuk menunjukkan peningkatan taraf biogas yang berdaya maju daripada sisa kilang minyak sawit (POME) kepada biometan, yang boleh digunakan sebagai bahan api kereta atau kegunaan lain industri," katanya pada Forum Biogas Asia Pasifik 2015 di sini hari ini.

Penggunaan bioteknologi dalam industri biogas akan meningkatkan pengeluaran dengan ketara dan industri dijangka berkembang kepada RM8.3 bilion pada 2022 daripada RM1.46 bilion pada 2015, katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Biotechnology Corporation (BiotechCorp) Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata sebagai agensi pembangunan utama dalam industri bioteknologi, syarikat berkenaan telah melangkah maju untuk mempelopori pembangunan biogas.

"Mengikut Program Transformasi Bioekonomi dengan projek untuk menukar sisa dalam bentuk POME kepada tenaga hijau bernilai tambah yang tinggi, kami memajukan sumber tenaga boleh diperbaharui bagi menyumbang kepada bekalan elektrik negara," katanya.

Forum selama tiga hari itu menyaksikan pertukaran dokumen antara Gas Malaysia Bhd, Sime Darby Offshore Engineering Sdn Bhd, Megagreen Energy Sdn Bhd, Technology Nasional Bhd, Felcra Bhd, Felda Global Ventures Holdings Bhd, dan Green and Smart Sdn Bhd.

Mohd Nazlee berkata BiotechCorp berhasrat untuk menggandakan pendapatan bagi syarikat-syarikat berstatus BioNexus tahun ini daripada 10 peratus pertumbuhan yang dicapai pada tahun lepas.

Pada 2014, syarikat-syarikat BioNexus mencatatkan peningkatan 10 peratus dalam pendapatan kepada RM1.29 bilion daripada RM1.17 bilion pada 2013.

-- BERNAMA

BERITA RTM

Malaysia Bersedia Jadi Pengeksport Biogas Terbesar Asia

Kuala Lumpur - Malaysia dijangka menjadi pengeksport dan hab biogas terbesar di Asia masing-masing pada 2020 dan 2030, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.

Beliau berkata Malaysia mempunyai potensi dalam memanfaatkan sumber biogas untuk menjadi pusat ekosistem bioindustri global.

"Pada masa ini, kita mempunyai kira-kira lima juta hektar tanah kelapa sawit, jadi pada 2020, kita akan mampu menggandakan pendapatan kepada kira-kira RM20 bilion.

"Sasaran itu adalah untuk menunjukkan peningkatan taraf biogas yang berdaya maju daripada sisa kilang minyak sawit (POME) kepada biometan, yang boleh digunakan sebagai bahan api kereta atau kegunaan lain industri," katanya pada Forum Biogas Asia Pasifik 2015.

Penggunaan bioteknologi dalam industri biogas akan meningkatkan pengeluaran dengan ketara dan industri dijangka berkembang kepada RM8.3 bilion pada 2022 daripada RM1.46 bilion pada 2015, katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Biotechnology Corporation (BiotechCorp) Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata sebagai agensi pembangunan utama dalam industri bioteknologi, syarikat berkenaan telah melangkah maju untuk mempelopori pembangunan biogas.

"Mengikut Program Transformasi Bioekonomi dengan projek untuk menukar sisa dalam bentuk POME kepada tenaga hijau bernilai tambah yang tinggi, kami memajukan sumber tenaga boleh diperbaharui bagi menyumbang kepada bekalan elektrik negara," katanya.

Mohd Nazlee berkata BiotechCorp berhasrat untuk menggandakan pendapatan bagi syarikat-syarikat berstatus BioNexus tahun ini daripada 10 peratus pertumbuhan yang dicapai pada tahun lepas.

Pada 2014, syarikat-syarikat BioNexus mencatatkan peningkatan 10 peratus dalam pendapatan kepada RM1.29 bilion daripada RM1.17 bilion pada 2013.

Malaysia mahu digelar hab biogas

Oleh **FADZIL ZAINOL**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 28 April - Malaysia menjangka untuk menjadi hab biogas Asia menjelang 2030 dengan menggunakan industri sawit negara sebagai pemacu utama dalam mencapai sasaran tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, Malaysia mempunyai banyak sumber alam termasuk hasil-hasil pertanian yang sepatutnya boleh diterjemahkan bagi menghasilkan biogas.

Beliau berkata, kementerian akan memberi fokus bagi membangunkan industri biogas dan percaya pelbagai usaha yang dibuat itu membolehkan biogas menyumbang sehingga RM20.2 bilion kepada bioekonomi negara menjelang 2020.

"Malaysia mempunyai kira-kira keluasan lima juta hektar perladangan sawit membabitkan 429 kilang memproses minyak sawit. Satu usaha akan dibangunkan untuk mengubah sisa buangan daripada kilang sawit itu untuk dijadikan bahan bakar yang boleh digunakan untuk kenderaan dan industri serta penjanaan tenaga elektrik," katanya semasa pelancaran Forum Biogas Asia Pasifik Keempat 2015, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Ketua Pegawai

TAPAK projek biogas dan biomethane di ladang Sime Darby.
- GAMBAR HIASAN



Eksekutif Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp), Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal dan Ahli Parlimen Kinabatangan merangkap Pengerusi Felcra Bhd., Datuk Bung Moktar Radin.

Semasa majlis pelancaran itu juga, empat perjanjian kerjasama telah ditandatangani oleh beberapa syarikat termasuklah Gas Malaysia Bhd. dan Sime Darby Offshore Engineering Sdn. Bhd., sementara Green & Smart Sdn. Bhd. dan Fel-da Global Ventures Holdings Bhd. (FGV), dalam usaha membangunkan infrastruktur dan teknologi penghasilan biogas daripada kilang memproses sawit.

Kata Ewon lagi, usaha pembangunan subsektor biogas ini akan diperluaskan ke semua negeri khususnya yang mempunyai sumber-sumber yang boleh menghasilkan sumber tersebut.

"Pembangunan biogas penting untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber gas yang diimport. Malah seterusnya, penekanaan ini akhirnya membolehkan Malaysia menjadi antara pengeksport utama biogas cecair (LBG)," katanya.

Tambahnya, pasaran biogas dunia dijangka mencecah RM120.1 bilion pada 2022 meningkat daripada RM82.1 bilion pada tahun ini.



Malaysia Poised To Be Asia's Biggest Biogas Exporter

KUALA LUMPUR, April 28 (Bernama) -- Malaysia is expected to be Asia's biggest biogas exporter by 2020 and Asia's biggest biogas hub by 2030, said **Science, Technology and Innovation Minister, Datuk Dr Ewon Ebin.**

He said Malaysia had the potential to utilise biogas resources to be at the epicentre of global bioindustrial ecosystem.

"Currently, we have about five million hectares of land under oil palm, so by 2020, we will be able to increase revenue to about RM20 billion.

"The aim is to show the viability in upgrading biogas from palm oil mill effluent (POME) to bio-methane, which can be used to fuel cars or other industrial applications," he said at the fourth Biogas Asia Pacific Forum 2015 here Tuesday.

With the adoption of biotechnology in the biogas industry, production would significantly increase and the industry was expected to grow to RM8.3 billion by 2022 from RM1.46 billion in 2015, he added.

Meanwhile, Biotechnology Corporation (BiotechCorp) Chief Executive Officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal said as the leading development agency in biotech industry, the company had stepped forward to spearhead the development of biogas.

"Under the Bioeconomy Transformation Programme, with projects to convert wastes in the form of POME into high value-added green energy, we are enhancing renewable energy resources to contribute towards the national electricity supply," he said.

The three-day forum witnessed the exchange of documents between Gas Malaysia Bhd, Sime Darby Offshore Engineering Sdn Bhd, Megagreen Energy Sdn Bhd, Technology Nasional Bhd, Felcra Bhd, Felda Global Ventures Holdings Bhd, and Green and Smart Sdn Bhd.

Nazlee said BiotechCorp hoped to double revenue for its BioNexus Status companies this year from the 10 per cent growth achieved last year.

In 2014, BioNexus companies saw a 10 per cent increase in revenue to RM1.29 billion from RM1.17 billion in 2013.

-- BERNAMA



Malaysia poised to be Asia's biggest biogas exporter

KUALA LUMPUR: Malaysia is expected to be Asia's biggest biogas exporter by 2020 and Asia's biggest biogas hub by 2030, said **Science, Technology and Innovation Minister, Datuk Dr Ewon Ebin.**

He said Malaysia had the potential to utilise biogas resources to be at the epicentre of global bioindustrial ecosystem.

"Currently, we have about five million hectares of land under oil palm, so by 2020, we will be able to increase revenue to about RM20 billion.

"The aim is to show the viability in upgrading biogas from palm oil mill effluent (POME) to bio-methane, which can be used to fuel cars or other industrial applications," he said at the fourth Biogas Asia Pacific Forum 2015 here today.

With the adoption of biotechnology in the biogas industry, production would significantly increase and the industry was expected to grow to RM8.3 billion by 2022 from RM1.46 billion in 2015, he added.

Meanwhile, Biotechnology Corporation (BiotechCorp) Chief Executive Officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal said as the leading development agency in biotech industry, the company had stepped forward to spearhead the development of biogas.

"Under the Bioeconomy Transformation Programme, with projects to convert wastes in the form of POME into high value-added green energy, we are enhancing renewable energy resources to contribute towards the national electricity supply," he said.

The three-day forum witnessed the exchange of documents between Gas Malaysia Bhd, Sime Darby Offshore Engineering Sdn Bhd, Megagreen Energy Sdn Bhd, Technology Nasional Bhd, Felcra Bhd, Felda Global Ventures Holdings Bhd, and Green and Smart Sdn Bhd.

Nazlee said BiotechCorp hoped to double revenue for its BioNexus Status companies this year from the 10 per cent growth achieved last year.

In 2014, BioNexus companies saw a 10 per cent increase in revenue to RM1.29 billion from RM1.17 billion in 2013.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 29 APRIL 2015 (RABU)

BiotechCorp perbanyak syarikat BioNexus bumiputera

KUALA LUMPUR 28 April - Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp), agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan memberi fokus untuk melahirkan lebih banyak syarikat bumiputera berstatus BioNexus, dengan menumpukan pembangunan di peringkat negeri.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, ketika ini bilangan syarikat bumiputera yang mempunyai status BioNexus adalah kurang terutamanya dari negeri-negeri utara dan sebelah timur Semenanjung

serta Sabah dan Sarawak.

"Kami akan menjalankan pelbagai kempen untuk mempromosi kelebihan-kelebihan sebagai syarikat berstatus BioNexus di negeri-negeri terbabit dan pada masa sama meningkatkan lagi bilangan penglibatan bumiputera dalam industri bioteknologi dan bioekonomi," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Forum Biogas Asia Pasifik Ke-4 2015, di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin; Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur dan Ahli Parlimen Kina-

batangan merangkap Pengerusi Felcra Bhd., Datuk Bung Moktar Radin.

BioNexus merupakan status yang diberikan kepada syarikat bioteknologi tempatan dan antara-bangsa bagi membolehkan mereka menerima manfaat insentif kewangan, geran dan bantuan untuk membangunkan perniagaan daripada kerajaan.

Tambah Mohd. Nazlee, jumlah pelaburan syarikat berstatus BioNexus yang direalisasikan setakat 31 Disember 2014 berjumlah RM3 bilion, meningkat RM410.8 juta berbanding 2013 sebanyak RM2.6 bilion.

Nanoteknologi cetus potensi berskala besar

» *Malaysia mampu bersaing dalam E & E*

Industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) dijangka terus berkembang pada tahun ini yang dirangsang oleh pelbagai kegiatan dalam pengeluaran produk pintar dan pertambahan pelaburan yang semakin meningkat dalam industri itu.

Tambahan, pelabur dijangka menyelaraskan pengeluaran produk dan perkhidmatan dengan arah aliran perkembangan ekonomi global.

Antara arah aliran itu termasuklah kemunculan IoT (Perkara Internet) dan nanoteknologi yang akan mencipta peluang baharu bagi pertumbuhan segmen aktiviti peringkat hulu seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan segmen aktiviti peringkat hiliran misalnya, pemasaran, pengedaran serta penjualan.

Bagi nanoteknologi, Nano Malaysia Bhd, agensi utama untuk projek permulaan (EPP) 20, akan berterusan memudahkan projek nano dilaksanakan, dengan cara membantu syarikat swasta mereka bentuk prototaip bagi mendapat kelulusan konsep.

Tindakan itu adalah persediaan yang dibuat bagi membolehkan negara bergerak ke peringkat selanjutnya dalam perkembangan nanoteknologi di Malaysia, yang memberi fokus kepada mengkomersialkan nanoteknologi dan menggalakkan pengeluaran berskala besar.

Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), usaha dalam teknologi IoT dibuat menerusi EPP 12, 13 dan 17. Syarikat EPP dijangka memperluas aktiviti dalam IoT, seperti membuat peralatan lebih bersaling hubung sejajar dengan objektif nanoteknologi tahun ini.

Sementara itu, kemampuan negara untuk terus bersaing dalam industri E&E terbukti dengan pengaliran masuk pelaburan asing yang berterusan dan semakin meningkat sepanjang tahun lalu.

Walaupun ekonomi global mengalami banyak ketidakpastian, pelaburan yang berterusan daripada pelabur asing ternyata amat menggalakkan.

Pada tahun lalu, Malaysia buat pertama kali berjaya menduduki tangga ke-20 dalam kalangan 144



Penemuan MyNanoCFB iaitu bahan alternatif menggantikan kaca fiber dihasilkan melalui teknologi nano hasil campuran serat kekabu dan daun mengkuang, yang dipercayai pertama seumpamanya di dunia.

negara dalam Indeks Kompetitif Global (GCI) Forum Ekonomi Dunia semajak metodologi itu diperkenalkan pada tahun 2006.

Laporan itu juga meletakkan Malaysia di tangga keempat dalam perkembangan pasaran kewangan, lantas memudahkan syarikat E&E mencari dan memperoleh modal.

Malaysia juga berada di tangga ke-10 dari segi insentif untuk melabur selain kedudukan sama dari segi prosedur serta syarat dan peraturan untuk dipatuhi sebelum memulakan perniagaan bagi syarikat E&E. Indeks Mudah Menjalankan

Perniagaan 2014 pula meletakkan Malaysia di tangga ke-18, berdasarkan persekitaran kawalan dan peraturan yang lebih memudahkan syarikat dan perniagaan dalam sektor E&E beroperasi, berbanding dengan persekitaran yang lebih ketat di China serta Taiwan.

Namun, Malaysia menghadapi persaingan daripada negara jiran serantau seperti Singapura dan Thailand yang mana selama 30 tahun negara bersaing hebat dengan kedua-dua negara jiran terbabit bagi menarik kemasukan pelaburan asing.

INFO

© **Malaysia buat pertama kali berjaya menduduki tangga ke-20** dalam kalangan 144 negara dalam Indeks Kompetitif Global (GCI) Forum Ekonomi Dunia

© **Indeks Mudah Menjalankan Perniagaan 2014** pula meletakkan Malaysia di tangga ke-18, berdasarkan persekitaran kawalan dan peraturan yang lebih memudahkan syarikat dan perniagaan.

Sektor aeroangkasa realisasikan sasaran PNK

» Pelan strategik baharu sudah dibangunkan bertujuan mempertingkatkan daya saing negara

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) perkhidmatan pelanggan berada di landasan tepat bagi merealisasikan sasaran Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM78.7 bilion menjelang tahun 2020 berbanding Kadar Pertumbuhan Tahunan yang Dikumpulkan (CAGR).

Sektor perkhidmatan perniagaan mengalami pertumbuhan pada kadar 9.9 peratus pada tahun lalu, menjadikannya antara NKEA yang paling pantas berkembang dengan mengambil kira sumbangan pendapatan berjumlah RM39.9 bilion, bersamaan dengan 3.0 peratus PNK.

Ia adalah sektor kedua paling pesat berkembang di Malaysia dalam dekad lalu, malah sektor

teknologi hijau dan pusat data mencatatkan kadar pertumbuhan dua peratus.

Meskipun NKEA perkhidmatan perniagaan mencatatkan prestasi baik secara amnya, beberapa sektor di bawah NKEA itu mengharungi cabaran yang dicetuskan faktor luaran yang turut memberi kesan kepada keseluruhan industri.

Pelan strategik baharu

Dalam pada itu, beberapa pelan strategik baharu sudah dibangunkan dengan tujuan untuk mempertingkatkan daya saing negara dalam sektor per-

khidmatan pelanggan.

Bagaimanapun, perhatian khusus perlu diberi terhadap inisiatif yang menyasarkan pembangunan industri dalam beberapa bidang bernilai tinggi supaya berupaya mengangkat kedudukan Malaysia di rantau ini.

Dalam sektor perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO), Malaysia mengekalkan kedudukan di tangga ketiga dalam senarai indeks lokasi SSO terbaik di dunia seperti yang diumumkan dalam laporan Global Indeks Perkhidmatan Lokasi 2014 terbitan AT Kearney.

Sementara itu, Malay-

sia menduduki tangga kedua dalam bidang aeroangkasa rantau Asia Tenggara berbanding kedudukan dalam pasaran sektor terbabit.

Berhubung analisis KPI tahun 2014, sasaran ke atas penciptaan peluang pekerjaan dan hasil pendapatan dalam sektor perkhidmatan perniagaan berjaya dicapai secara amnya, disokong oleh pertumbuhan hasil yang kukuh dan pengembangan perniagaan oleh sesetengah pihak dalam industri.

Namun, terdapat beberapa sasaran KPI yang tidak berupaya dicapai disebabkan unjuran terlalu optimistik walaupun secara umumnya sektor ini sudah menyaksikan pertumbuhan.

Faktor lain yang turut memberi kesan termasuklah kekangan bajet daripada kerajaan serta faktor di luar kawalan seperti tragedi yang menimpa Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang memberi kesan kepada sektor penerbangan secara keseluruhannya.

INFO

© Dalam sektor perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO), Malaysia mengekalkan kedudukan di tangga ketiga dalam senarai indeks lokasi SSO terbaik di dunia

© Malaysia menduduki tangga kedua dalam bidang aeroangkasa rantau Asia Tenggara

Sebahagian pesawat tempur pada Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA 2015).